

BAB 4

ANALISIS DATA DAN PERBINCANGAN

4.1 Maklumat Demografi Responden

Seramai 100 orang responden telah dipilih secara rawak dalam kajian ini. Antaranya terdiri daripada 50 orang lelaki dan 50 orang perempuan yang mengambil program pengajian yang berlainan. Program pengajian responden dibahagikan kepada dua kumpulan, iaitu (i) aliran sains; dan (ii) aliran sastera, seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.1.

Jadual 4.1: Taburan Responden mengikut Program Pengajian

Program Pengajian		Bilangan Responden
Aliran Sains	Alam Bina	4
	Farmasi	4
	Kejuruteraan	11
	Perubatan	9
	Sains	18
	Sains Komputer	4
Jumlah		50
Aliran Sastera	Bahasa dan Linguistik	10
	Ekonomi dan Pentadbiran	5
	Kaunseling	1
	Pendidikan	3
	Perakaunan	15
	Perniagaan	2
	Sains Sosial dan Kemanusiaan	8
	Undang-Undang	6
Jumlah		50
Jumlah Keseluruhan		100

Selain daripada maklumat taburan responden mengikuti program pengajian yang berlainan, responden kajian juga dikategorikan mengikut tahun pengajian yang berlainan pada peringkat ijazah sarjana muda. Jadual 4.2 berikut menunjukkan bahawa kebanyakan responden terdiri daripada pelajar tahun pertama hingga tahun ketiga, dan hanya 10 orang adalah pelajar tahun keempat dan kelima.

Jadual 4.2: Taburan Responden mengikut Tahun Pengajian

Tahun Pengajian	Bilangan Responden
Tahun Pertama	22
Tahun Kedua	39
Tahun Ketiga	29
Tahun keempat	8
Tahun Kelima	2
Jumlah	100

Jadual 4.1 dan Jadual 4.2 menunjukkan bahawa sampel ini boleh mewakili populasi dalam kampus kerana responden yang dipilih secara rawak ini terdiri daripada program pengajian dan tahun pengajian yang berlainan.

4.2 Keadaan Melakukan Komunikasi Berbantuan Komputer

Bahagian ini menghuraikan keadaan melakukan komunikasi berbantuan komputer dalam kalangan responden dari tiga aspek, iaitu: (i) jenis laman jaringan sosial yang digunakan oleh responden; (ii) jenis mesej segera yang digunakan oleh responden; dan (iii) penggunaan masa responden dalam KBK.

Jadual 4.3: Jenis Laman Jaringan Sosial yang Digunakan oleh Responden

Jenis Laman Jaringan Sosial	Bilangan Responden
<i>Facebook</i>	100
<i>Twitter</i>	7
<i>Weblog</i>	3
<i>Friendster</i>	2
<i>Myspace</i>	1
<i>Blogger</i>	1

(Nota: Responden boleh memilih lebih daripada satu jawapan.)

Jadual 4.3 menunjukkan *Facebook* merupakan laman jaringan sosial yang paling popular digunakan kerana ia menjadi pilihan semua responden (100 orang), diikuti dengan *Twitter* (7 orang). Jurang perbezaan yang agak besar di antara kadar penggunaan *Facebook* dengan laman jaringan sosial yang lain menunjukkan majoriti responden menggunakan sejenis laman jaringan sosial sahaja.

Jadual 4.4: Jenis Mesej Segera yang Digunakan oleh Responden

Jenis Mesej Segera	Bilangan Responden
<i>MSN Messenger</i>	92
<i>Yahoo! Messenger</i>	7
<i>Facebook Chat</i>	4
<i>Skype</i>	4
<i>Google Talk</i>	2

(Nota: Responden boleh memilih lebih daripada satu jawapan.)

Jadual 4.4 pula menunjukkan jenis mesej segera yang digunakan oleh responden kajian. Antaranya, *MSN Messenger* paling kerap digunakan oleh responden kajian, iaitu sebanyak 92 orang pengguna, diikuti dengan *Yahoo! Messenger* yang hanya 7 orang daripada keseluruhan sampel kajian.

Secara puratanya, responden kajian mengambil masa 3.08 jam atau lebih kurang 185 minit sehari untuk melakukan pelbagai aktiviti komunikasi melalui laman jaringan sosial dan mesej segera. Dapatan ini selari dengan tinjauan *comScore World Matrix* (sehingga Disember, 2009) yang mendapati bahawa setiap pelawat laman jaringan sosial di Malaysia secara purata meluangkan 181.2 minit untuk melakukan komunikasi sosial dalam laman tersebut. Ini menunjukkan bahawa laman jaringan sosial dan mesej segera yang digunakan sebagai suatu medium komunikasi memang memainkan peranan penting dalam kehidupan sosial responden.

4.3 Repertoir Linguistik Responden

Bahagian ini menerangkan repertoir linguistik para responden berdasarkan dua aspek: (i) tanggapan responden sendiri; dan (ii) keputusan bahasa dalam Sijil Peperiksaan Malaysia (SPM).

Jadual 4.5: Tahap Penguasaan Bahasa Berdasarkan Tanggapan Responden Sendiri

Bahasa	Min
Bahasa Cina	4.89
Bahasa Melayu	4.29
Bahasa Inggeris	4.07

(Nota: Pengiraan nilai min berdasarkan nilai skala yang diberikan oleh responden sendiri dengan menggunakan skala Likert 1 hingga 6, di mana skala 1 mewakili “paling lemah dikuasai”, manakala skala 6 mewakili “paling baik dikuasai”.)

Jadual 4.5 menunjukkan bahawa tahap penguasaan bahasa Melayu, bahasa Cina dan bahasa Inggeris berdasarkan tanggapan responden sendiri dengan menggunakan skala Likert 1 hingga 6, di mana skala 6 mewakili “paling baik dikuasai”. Jadual 4.5 menunjukkan bahawa nilai min bagi bahasa Cina adalah tertinggi, iaitu 4.89, diikuti dengan bahasa Melayu bersamaan 4.29 dan bahasa Inggeris bersamaan 4.07. Nilai min yang tertinggi menunjukkan responden sendiri menganggap bahasa Cina merupakan bahasa yang dikuasai dengan paling baik, jika dibandingkan dengan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Sebaliknya, responden berpendapat bahawa penguasaan bahasa Inggeris mereka adalah paling rendah.

Jika meninjau keputusan (gred) mata pelajaran bahasa Melayu, bahasa Cina dan bahasa Inggeris dalam Sijil Peperiksaan Malaysia (SPM) yang dicapai oleh para responden, didapati bahawa keputusannya (rujuk Jadual 4.6) tidak selaras dengan tanggapan responden sendiri (rujuk Jadual 4.5).

Jadual 4.6: Kemahiran Bahasa Berdasarkan Keputusan SPM

Bahasa	Min
Bahasa Melayu	5.47
Bahasa Cina	5.38
Bahasa Inggeris	5.36

(Nota: Pengiraan nilai min berdasarkan gred mata pelajaran tersebut yang diperoleh oleh responden, di mana gred A = 6 skor, B = 5 skor, C = 4 skor, D = 3 skor, E = 2 skor dan G [Gagal] = 1 skor.)

Jadual 4.6 menunjukkan bahasa Melayu mencatatkan nilai min yang tertinggi, iaitu 5.47, diikuti bahasa Cina dan bahasa Inggeris yang masing-masing mendapat skor min 5.38 dan 5.36. Dapatan ini menunjukkan bahasa Melayu secara purata merupakan bahasa yang dapat dikuasai dengan paling baik oleh responden berdasarkan gred bahasa yang dicapai dalam SPM.

Jadual 4.7 berikut memaparkan analisis ujian signifikan kolerasi antara tahap penguasaan bahasa Melayu, bahasa Cina dan bahasa Inggeris berdasarkan penilaian responden sendiri dengan gred bahasa yang berkenaan dicapai dalam SPM.

Jadual 4.7: Kolerasi antara Tahap Penguasaan Bahasa Berdasarkan Penilaian Responden Sendiri dengan Gred Bahasa yang Dicapai dalam SPM

Tahap Penguasaan Bahasa Berdasarkan Penilaian Kendiri	Gred yang Dicapai dalam SPM	Nilai Signifikan
Bahasa Melayu	Bahasa Melayu	0.005**
Bahasa Cina	Bahasa Cina	0.001**
Bahasa Inggeris	Bahasa Inggeris	0.000**

** Signifikan pada aras keertian < 0.05 .

Semua keputusan nilai signifikan ujian kolerasi dalam Jadual 4.7 kurang daripada aras keertian yang ditetapkan ($\alpha = 0.05$), maka terdapat hubungan yang signifikan antara hasil penilaian sendiri responden mengenai tahap penguasaan bahasa dengan gred yang dicapai dalam SPM. Dalam erti kata lain, hasil penilaian mengenai penguasaan bahasa yang dilakukan oleh para responden adalah berhubungan positif dengan gred bahasa yang dicapainya dalam SPM.

Sebagai rumusan, keputusan ujian signifikan kolerasi membuktikan bahawa tanggapan sendiri responden terhadap penguasaan bahasa yang dimilikinya mempunyai kesahan yang tinggi. Dengan ini, tanggapan sendiri responden yang menunjukkan bahasa yang dikuasai dengan paling baik ialah bahasa Cina mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi. Selain itu, berdasarkan analisis purata min dalam Jadual 4.5 dan Jadual 4.6, boleh disimpulkan bahawa bahasa Inggeris merupakan bahasa yang paling lemah dikuasai oleh responden.

4.4 Pemilihan Bahasa dalam Komunikasi Berbantuan Komputer

Bahagian ini menganalisis pola pemilihan bahasa responden dalam laman jaringan sosial dan mesej segera mengikut teori domain yang diperkembangkan oleh Fishman (1972). Oleh itu, pemilihan bahasa responden ditinjau berdasarkan sembilan tujuan komunikasi yang biasa berlaku dalam kedua-dua medium tersebut dengan mengambil kira faktor interlokutor yang berlainan. Berikut adalah sembilan tujuan komunikasi yang dikaji dalam kajian:

1. Menulis mesej ringkas (*personal message*) tentang status sendiri;
2. Melabelkan foto yang diposkan sendiri;
3. Menulis atau mengepos tulisan-tulisan pada nota atau ruangan blog;
4. Memberi komentar pada status yang diposkan oleh pihak ketiga;
5. Memberi komentar pada foto yang diposkan oleh pihak ketiga;
6. Memberi komentar pada pautan (*link*) yang diposkan oleh pihak ketiga;
7. Bersembang (*chatting*) dalam talian;

8. Membincangkan hal-hal pembelajaran dalam talian;
9. Membincangkan isu-isu semasa dalam talian.

Perlu diambil perhatian bahawa bukan semua responden melibatkan diri dalam seluruh sasaran atau tujuan komunikasi yang tersenarai di atas, maka semua peratusan yang dilaporkan dalam jadual-jadual berikut dikira berdasarkan jumlah responden yang terlibat sahaja.

4.4.1 Menulis Mesej Ringkas (*Personal Message*) tentang Status Sendiri

Jadual 4.8 memaparkan pola pemilihan bahasa responden semasa menulis mesej ringkas tentang status sendiri dalam laman jaringan sosial.

Jadual 4.8: Bahasa yang Paling Kerap Digunakan Semasa Menulis Mesej Ringkas (*Personal Message*) tentang Status Sendiri

Bahasa	Bilangan Responden	Peratusan (%)
Bahasa Melayu	0	0.0
Bahasa Cina	39	39.4
Bahasa Inggeris	60	60.6
Jumlah	99	100

Jadual 4.8 menunjukkan bahawa responden berkecenderungan menggunakan dua jenis bahasa, iaitu bahasa Inggeris dan bahasa Cina semasa menulis mesej ringkas (*personal message*) tentang status sendiri. Di antaranya, kadar penggunaan bahasa Inggeris (60.6%) adalah lebih tinggi daripada kadar penggunaan bahasa Cina (39.4%). Namun, tiada responden menggunakan bahasa Melayu untuk menulis mesej ringkas pada

status sendiri. Dalam kata lain, kebanyakan responden lebih gemar menggunakan bahasa Inggeris sebagai kod komunikasi untuk menyatakan pendapat, pemikiran dan perasaan diri pada kolum status dalam laman jaringan sosial. Ini menunjukkan responden tidak semestinya memilih repertoir bahasa mereka, iaitu bahasa Cina sebagai pilihan bahasa yang pertama dalam KBK.

4.4.2 Melabelkan Foto yang Diposkan Sendiri

Jadual 4.9 berikut turut menunjukkan dapatan yang serupa dengan dapatan dalam Jadual 4.8, iaitu hanya bahasa Inggeris dan bahasa Cina dijadikan sebagai pilihan bagi responden semasa melabelkan foto sendiri dalam laman jaringan sosial. Walaupun bahasa Inggeris bukan repertoir bahasa responden, tetapi ia mencatatkan kadar pemilihan yang tertinggi iaitu 71% responden menggunakan bahasa Inggeris sebagai pilihan utama dalam situasi ini. Tambahan pula, jurang perbezaan peratusan pemilihan bahasa Inggeris dengan bahasa Cina dalam situasi ini adalah jauh lebih besar daripada keputusan yang ditunjukkan dalam Jadual 4.8.

Jadual 4.9: Bahasa yang Paling Kerap Digunakan Semasa Melabelkan Foto yang Diposkan Sendiri

Bahasa	Bilangan Responden	Peratusan (%)
Bahasa Melayu	0	0.0
Bahasa Cina	27	29.0
Bahasa Inggeris	66	71.0
Jumlah	93	100

4.4.3 Menulis atau Mengepos Tulisan-Tulisan pada Nota atau Ruangan Blog

Jadual 4.10 menunjukkan bahawa pola pemilihan bahasa responden semasa menulis atau mengepos tulisan-tulisan pada nota atau ruangan blog dalam laman jaringan sosial.

Jadual 4.10: Bahasa yang Paling Kerap Digunakan Semasa Menulis atau Mengepos Tulisan-Tulisan pada Nota atau Ruangan Blog

Bahasa	Bilangan Responden	Peratusan (%)
Bahasa Melayu	1	1.1
Bahasa Cina	34	35.8
Bahasa Inggeris	59	62.1
Lain-lain (Dialek Cina)	1	1.1
Jumlah	95	100

Berdasarkan Jadual 4.10, seramai 95 responden mempunyai kebiasaan mengeposkan tulisan-tulisan pada ruangan nota untuk berkongsi pemikiran diri, maklumat atau informasi dengan pengguna laman jaringan sosial yang lain.

Keputusan menunjukkan sebanyak 62.1% responden memilih bahasa Inggeris untuk menulis mesej sendiri atau mengeposkan artikel berbahasa Inggeris dalam kolum nota sendiri. Sementara itu, sekumpulan responden (35.8%) pula menggunakan bahasa Cina untuk mengongsikan mesej dalam nota atau ruangan blog, manakala hanya terdapat seorang responden yang memilih bahasa Melayu sebagai bahasa komunikasi untuk menulis mesej dalam ruangan tersebut. Dalam kata lain, bahasa Inggeris adalah bahasa yang paling dominan dalam nota atau ruangan blog.

4.4.4 Memberi Komentar pada Status yang Diposkan oleh Pihak Ketiga

Jadual 4.11 memaparkan pola pemilihan bahasa responden semasa memberi komentar pada status yang diposkan oleh kawan berbangsa Cina, Melayu, India dan ahli keluarga serta sahabat kawan (*friend's friends*) dalam laman jaringan sosial mereka.

Jadual 4.11: Bahasa yang Paling Kerap Digunakan Semasa Memberi Komentar pada Status yang Diposkan oleh Pihak Ketiga

Bahasa Interlokutor yang Terlibat	Bahasa Melayu	Bahasa Cina	Bahasa Inggeris	Lain- Lain (Dialek Cina)	Jumlah
Kawan berbangsa Cina	0	28	71	1	100
	0.0%	28.0%	71.0%	1.0%	100.0%
Kawan berbangsa Cina yang tidak menguasai bahasa Cina	1	1	95	0	97
	1.0%	1.0%	98.0%	0.0%	100.0%
Kawan berbangsa Melayu	24	0	70	0	94
	25.5%	0.0%	74.5%	0.0%	100.0%
Kawan berbangsa India	6	0	88	0	94
	6.4%	0.0%	93.6%	0.0%	100.0%
Ibu bapa	0	38	26	1	65
	0.0%	58.5%	40.0%	1.5%	100.0%
Adik beradik	0	33	57	2	92
	0.0%	35.8%	62.0%	2.2%	100.0%
Sahabat kawan (<i>friend's friends</i>) / pihak yang tidak dikenali	0	12	78	0	90
	0.0%	13.3%	86.7%	0.0%	100.0%

Keputusan dalam Jadual 4.11 menunjukkan bahawa bahasa Inggeris merupakan bahasa yang paling kerap digunakan oleh kebanyakan responden dalam domain persahabatan dan domain keluarga semasa menulis komentar pada status yang diposkan oleh interlokutor yang berlainan.

Dalam domain keluarga, responden lebih kerap menggunakan bahasa Inggeris semasa memberi komentar pada status yang diposkan oleh adik-beradik. Jika interlocutor yang terlibat adalah ibu bapa, penggunaan bahasa Cina (58.5%) adalah melebihi penggunaan bahasa Inggeris (40.0%). Ini menunjukkan bahawa kebanyakan responden mengakomodasikan repertoir bahasa ibu bapa dengan menggunakan bahasa Cina yang lebih baik dikuasai oleh ibu bapa supaya dapat berinteraksi dengan lebih berkesan. Ini selari dengan kenyataan Giles (1977) dalam teori akomodasi pertuturan.

Dalam domain persahabatan pula, bahasa Inggeris merupakan bahasa yang paling kerap digunakan semasa responden memberi komentar pada status yang diposkan oleh interlocutor berbangsa Cina (71.0%), Melayu (74.5%), India (93.6%) mahupun pihak yang tidak dikenali (86.7%). Hanya 28.0% responden menggunakan bahasa Cina untuk memberi komentar pada status yang diposkan oleh kawan berbangsa Cina. Jika interlocutor Cina yang terlibat tidak menguasai bahasa Cina, 98.0% responden mengakomodasikan pertuturan dengan menggunakan bahasa Inggeris yang boleh difahami umum. Demi memberi komentar pada status sahabat kawan (*friend's friends*) atau pihak yang tidak dikenali, sebahagian responden (13.3%) menggunakan bahasa Cina walaupun ia bukan bahasa yang difahami umum, mahupun bahasa Cina mungkin tidak difahami oleh interlocutor yang tidak dikenali. Ini menunjukkan walaupun bahasa Inggeris merupakan bahasa yang difahami umum dalam talian, tetapi ia tidak semestinya dijadikan sebagai pilihan pertama bagi responden. Bahasa Melayu pula hanya banyak digunakan semasa responden memberi komentar pada status yang diposkan oleh kawan

berbangsa Melayu, tetapi kadar pemilihannya (25.5%) masih jauh lebih rendah daripada bahasa Inggeris yang mencatatkan kadar penggunaan sebanyak 74.5%.

Pada keseluruhannya, tiada responden kajian menggunakan bahasa Melayu semasa memberi komentar pada status yang diposkan oleh kawan berbangsa Cina, ibu bapa, adik beradik dan sahabat kawan (*friend's friends*). Ini menunjukkan bahawa bahasa Melayu bukan bahasa yang biasa digunakan antara komunikasi dalam kalangan Cina atas talian. Dapatan ini selari dengan hasil kajian yang diperolehi oleh Chong & Wang (2009) yang menunjukkan bahawa bahasa Melayu tidak dijadikan pilihan bahasa bagi golongan muda Cina dalam komunikasi lisan terutamanya dalam domain keluarga dan domain persahabatan. Di samping itu, hanya segelintir responden menggunakan dialek Cina untuk memberi komentar atau respon pada status yang diposkan oleh kawan berbangsa Cina (1.0%), ibu bapa (1.5%) dan adik beradik (2.2%). Keadaan ini menunjukkan penggunaan dialek Cina hanya terbatas kepada domain keluarga dan ia juga tidak merupakan pilihan bahasa bagi responden dalam KBK.

4.4.5 Memberi Komentar pada Foto yang Diposkan oleh Pihak Ketiga

Pola pemilihan bahasa responden semasa memberi komentar pada foto yang diposkan oleh pihak ketiga, termasuk kawan berbangsa Cina, Melayu dan India serta ibu bapa, adik beradik, sahabat kawan (*friend's friends*) atau pihak yang tidak dikenali telah dipaparkan dalam Jadual 4.12.

Jadual 4.12: Bahasa yang Paling Kerap Digunakan Semasa Memberi Komentaar pada Foto yang Diposkan oleh Pihak Ketiga

Bahasa Interlokutor yang Terlibat	Bahasa Melayu	Bahasa Cina	Bahasa Inggeris	Lain-Lain (Dialek Cina)	Jumlah
Kawan berbangsa Cina	0	27	71	1	99
	0.0%	27.3%	71.7%	1.0%	100.0%
Kawan berbangsa Cina yang tidak menguasai bahasa Cina	1	0	95	0	96
	1.0%	0.0%	99.0%	0.0%	100.0%
Kawan berbangsa Melayu	23	0	70	0	93
	24.7%	0.0%	75.3%	0.0%	100.0%
Kawan berbangsa India	6	0	87	0	93
	6.5%	0.0%	93.5%	0.0%	100.0%
Ibu bapa	0	38	26	1	65
	0.0%	58.5%	40.0%	1.5%	100.0%
Adik beradik	0	33	57	2	92
	0.0%	35.8%	62.0%	2.2%	100.0%
Sahabat kawan (<i>friend's friends</i>) / pihak yang tidak dikenali	0	13	76	0	89
	0.0%	14.6%	85.4%	0.0%	100.0%

Keputusan dalam Jadual 4.12 menunjukkan bahasa Inggeris masih merupakan bahasa yang paling dominan dalam KBK tanpa mengira dalam domain persahabatan atau domain keluarga.

Dalam domain keluarga, lebih daripada separuh responden (58.5%) menggunakan bahasa Cina semasa memberi komentar pada status yang diposkan oleh ibu bapa. Namun, hanya 35.8% responden menggunakan bahasa Cina semasa menulis komen pada foto yang diposkan oleh adik beradik, sebaliknya 62.0% daripada mereka lebih kerap menggunakan bahasa Inggeris. Ini menunjukkan responden lebih gemar menggunakan bahasa Inggeris (62.0%) untuk berinteraksi dengan adik beradik dalam KBK. Bahasa Melayu masih tidak dijadikan pilihan bahasa bagi responden dalam konteks ini.

Dalam domain persahabatan, bahasa Cina hanya digunakan oleh responden semasa menulis komentar pada foto yang diposkan oleh kawan berbangsa Cina, tetapi kadar penggunaannya masih rendah daripada bahasa Inggeris. Tidak ada responden menggunakan bahasa Cina semasa memberi komen pada foto yang diposkan oleh kawan berbangsa Melayu, India atau Cina yang tidak menguasai bahasa Cina, sebaliknya mereka menggunakan bahasa Inggeris yang boleh difahami oleh interlokutor yang terlibat pada umumnya. Ini menunjukkan bahawa repertoir linguistik penerima mesej telah mempengaruhi pemilihan bahasa responden. Pada aspek kajian ini, pemilihan bahasa responden telah difokuskan kepada bahasa Inggeris dan bahasa Melayu sahaja. Namun, kadar penggunaan bahasa Melayu dalam domain persahabatan lebih rendah daripada penggunaan bahasa Inggeris.

4.4.6 Memberi Komentar pada Pautan (*Link*) yang Diposkan oleh Pihak Ketiga

Jadual 4.13 berikut memaparkan pola pemilihan bahasa responden semasa menulis komentar pada pautan yang dikongsi oleh pihak ketiga.

Jadual 4.13: Bahasa yang Paling Kerap Digunakan Semasa Memberi Komentor pada Pautan (*Link*) yang Diposkan oleh Pihak Ketiga

Bahasa	Bahasa Melayu	Bahasa Cina	Bahasa Inggeris	Lain-Lain (Dialek Cina)	Jumlah
Interlokutor yang Terlibat					
Kawan berbangsa Cina	0	26	71	1	98
	0.0%	26.5%	72.5%	1.0%	100.0%
Kawan berbangsa Cina yang tidak menguasai bahasa Cina	1	0	95	0	96
	1.0%	0.0%	99.0%	0.0%	100.0%
Kawan berbangsa Melayu	23	0	70	0	93
	24.7%	0.0%	75.3%	0.0%	100.0%
Kawan berbangsa India	6	0	87	0	93
	6.5%	0.0%	93.5%	0.0%	100.0%
Ibu bapa	0	38	26	1	65
	0.0%	58.5%	40.0%	1.5%	100.0%
Adik beradik	0	30	57	2	89
	0.0%	33.7%	64.0%	2.3%	100.0%
sahabat kawan (<i>friend's friends</i>) / pihak yang tidak dikenali	0	12	75	0	87
	0.0%	13.8%	86.2%	0.0%	100.0%

Jadual 4.13 turut menunjukkan kebanyakan responden lebih kerap menggunakan bahasa Inggeris untuk memberi respon atau komentar pada pautan yang diposkan oleh interlokutor yang berlainan. Dapatan ini sama dengan pola pemilihan bahasa responden semasa memberi komen pada status dan foto yang diposkan oleh interlokutor yang berlainan, iaitu sama-sama cenderung menggunakan bahasa Inggeris. Berdasarkan peratusan yang ditunjukkan, bahasa Melayu hanya lebih banyak digunakan oleh responden semasa memberi komentar pada pautan yang dikongsi oleh interlokutor yang berbangsa Melayu, tetapi kadar pemilihannya masih rendah sekiranya dibandingkan dengan bahasa Inggeris.

Sementara itu, tidak ada responden menggunakan bahasa Cina semasa menulis komentar pada pautan yang diposkan oleh kawan berbangsa Melayu, India dan Cina yang tidak menguasai bahasa Cina. Keadaan ini juga berlaku semasa responden memberi komen pada status dan foto yang diposkan oleh kawan berbangsa Melayu dan India. Pada tanggapan kebanyakan responden, kawan berbangsa Melayu dan India secara biasanya tidak menguasai bahasa Cina, maka responden tidak memilih bahasa Cina sebagai pilihan bahasa yang pertama untuk berkomunikasi dengan mereka. Sebaliknya, responden lebih cenderung menyesuaikan diri dengan menggunakan bahasa yang boleh difahami oleh interlocutor (penerima), misalnya bahasa Melayu dan bahasa Inggeris untuk mencapai sasaran komunikasi. Ini menunjukkan bahawa konvergensi bahasa selalu berlaku dalam kalangan responden semasa berkomunikasi dalam laman jaringan sosial dan mesej segera.

4.4.7 Bersembang (*Chatting*) dalam Talian

Jadual 4.14 berikut menunjukkan pola pemilihan bahasa responden semasa bersembang dengan kawan berbangsa Cina, Melayu dan India serta ahli keluarga dalam mesej segera dan laman jaringan sosial.

Jadual 4.14: Bahasa yang Paling Kerap Digunakan Semasa Bersembang (*Chatting*) dalam Talian

Bahasa Interlokutor yang Terlibat	Bahasa Melayu	Bahasa Cina	Bahasa Inggeris	Lain- Lain (Dialek Cina)	Jumlah
Kawan berbangsa Cina	0	29	70	1	100
	0.0%	29.0%	70.0%	1.0%	100.0%
Kawan berbangsa Cina yang tidak menguasai bahasa Cina	0	2	95	0	97
	0.0%	2.1%	97.9%	0.0%	100.0%
Kawan berbangsa Melayu	20	2	71	0	93
	21.5%	2.2%	76.3%	0.0%	100.0%
Kawan berbangsa India	10	1	80	0	91
	11.0%	1.1%	87.9%	0.0%	100.0%
Ibu bapa	0	39	40	3	82
	0.0%	47.6%	48.8%	3.7%	100.0%
Adik beradik	0	35	53	4	92
	0.0%	38.0%	57.6%	4.3%	100.0%

Walaupun bahasa Cina dianggap sebagai bahasa yang paling dikuasai oleh kebanyakan responden, tetapi kadar penggunaannya jauh lebih rendah daripada bahasa Inggeris (70.0%) dalam domain persahabatan. Dapatan ini menjelaskan bahawa bahasa Cina tidak semestinya menjadi pilihan bahasa bagi responden semasa bersembang dengan kawan sebangsa yang memahami bahasa Cina dalam talian. Semasa bersembang dengan kawan berbangsa Melayu, India dan Cina yang tidak dapat menguasai bahasa Cina pula, pilihan bahasa yang utama bagi kebanyakan responden masih merupakan bahasa Inggeris. Bahasa Melayu hanya digunakan oleh sebahagian responden semasa bersembang dengan kawan berbangsa Melayu (21.5%) dan India (11.0%).

Dalam domain keluarga, didapati dua bahasa yang digunakan secara meluas oleh responden semasa bersembang dengan adik beradik dan ibu bapa dalam talian ialah

bahasa Cina dan bahasa Inggeris. Jika dilihat secara terperinci, didapati hampir separuh responden (47.6%) menggunakan bahasa Cina dan 48.8% responden menggunakan bahasa Inggeris semasa bersembang dengan ibu bapa, manakala kadar penggunaan bahasa Inggeris (57.6%) adalah lebih tinggi daripada bahasa Cina (38.0%) semasa bersembang dengan adik beradik. Tiada responden mengguna bahasa Melayu semasa bersembang dengan ahli keluarga. Keputusan ini menunjukkan bahawa bahasa Melayu memang tidak merupakan pilihan bahasa dalam domain keluarga Cina.

4.4.8 Membincangkan Hal-Hal Pembelajaran dalam Talian

Jadual 4.15 memaparkan pola pemilihan bahasa responden semasa membincangkan tugas atau hal-hal pembelajaran dengan rakan-rakan universiti dalam KBK.

Jadual 4.15: Bahasa yang Paling Kerap Digunakan Semasa Membincangkan Hal-Hal Pembelajaran dalam Talian

Bahasa Interlokutor yang Terlibat	Bahasa Melayu	Bahasa Cina	Bahasa Inggeris	Jumlah
Kawan berbangsa Cina	0	45	54	99
	0.0%	45.5%	54.5%	100.0%
Kawan berbangsa Melayu	24	2	69	95
	25.3%	2.1%	72.6%	100.0%
Kawan berbangsa India	11	1	81	93
	11.8%	1.1%	87.1%	100.0%

Jadual 4.15 jelas menunjukkan bahawa bahasa Inggeris adalah bahasa yang paling dominan digunakan oleh kebanyakan responden semasa membincangkan hal-hal

pembelajaran dengan kawan berbangsa Cina, Melayu dan India dalam talian. Ini disebabkan kebanyakan kuliah, tutorial dan tugas adalah berkaitan dengan pembelajaran di universiti yang dilakukan dalam bahasa Inggeris, maka secara tidak langsung bahasa Inggeris dijadikan pilihan bahasa yang pertama bagi kebanyakan responden semasa membincangkan hal-hal pembelajaran dalam talian.

Selain menggunakan bahasa Inggeris, terdapat sebilangan besar responden (45.5%) berkecenderungan menggunakan bahasa Cina semasa membincangkan hal-hal pembelajaran dengan kawan berbangsa Cina, walaupun bahasa Cina bukan bahasa pengantar yang utama dalam pembelajaran universiti. Terdapat juga segelintir responden menggunakan bahasa Cina semasa membincangkan hal-hal pembelajaran dengan kawan berbangsa Melayu (2.1%) dan India (1.1%) dalam talian. Ini menunjukkan bahawa terdapat individu bangsa Melayu atau bangsa India yang menguasai bahasa Cina. Keadaan ini bukan suatu yang luar biasa kerana terdapat ramai orang Melayu dan India kini mendapatkan pendidikan di sekolah rendah Cina, maka mereka juga dapat menguasai bahasa Cina dengan baik sehingga dapat menggunakannya untuk tujuan membincangkan hal-hal pembelajaran dengan kawan berbangsa Cina dalam KBK. Sementara itu, tiada responden menggunakan bahasa Melayu semasa membincangkan hal-hal pembelajaran dengan kawan berbangsa Cina, sebaliknya penggunaan bahasa Melayu masih terbatas kepada perbincangan yang melibatkan interlokutor berbangsa Melayu dan India.

4.4.9 Membincangkan Isu-Isu Semasa dalam Talian

Pola pemilihan bahasa responden semasa membincangkan isu-isu semasa dengan kawan berbangsa Cina, kawan bukan bangsa Cina, ibu bapa dan adik beradik dalam KBK telah dipaparkan dalam Jadual 4.16.

Jadual 4.16: Bahasa yang Paling Kerap Digunakan Semasa Membincangkan Isu-Isu Semasa dalam Talian

Bahasa Interlokutor yang Terlibat	Bahasa Melayu	Bahasa Cina	Bahasa Inggeris	Lain- Lain (Dialek Cina)	Jumlah
Kawan berbangsa Cina	0	50	49	0	99
	0.0%	50.5%	49.5%	0.0%	100.0%
Kawan bukan bangsa Cina	9	1	82	0	92
	9.8%	1.1%	89.1%	0.0%	100.0%
Ibu bapa	0	48	32	6	86
	0.0%	55.8%	37.2%	7.0%	100.0%
Adik beradik	1	43	40	5	86
	1.1%	48.3%	44.9%	5.6%	100.0%

Merujuk kepada Jadual 4.16, terdapat separuh responden menggunakan bahasa Cina (50.5%) dan bahasa Inggeris (49.5%) dalam domain persahabatan semasa membincangkan isu-isu semasa dengan kawan berbangsa Cina dalam talian. Sebaliknya, dalam perbincangan dengan kawan yang bukan berbangsa Cina, bahasa yang paling kerap digunakan oleh responden ialah bahasa Inggeris (89.1%).

Dalam domain keluarga, pemilihan bahasa responden menunjukkan pola yang berbeza semasa membincangkan isu-isu semasa dengan ibu bapa dan adik beradik dalam

talian, di mana bahasa Cina mencatatkan kadar penggunaan yang lebih tinggi daripada penggunaan bahasa Inggeris. Akan tetapi, jurang perbezaannya tidak begitu besar. Di samping itu, beberapa responden menggunakan dialek Cina semasa membincangkan isu-isu semasa dengan ibu bapa (7.0%) dan adik beradik (5.6%) dalam talian. Ini menunjukkan bahawa dialek Cina bukan pilihan bahasa yang umum bagi responden semasa membincangkan isu-isu semasa dalam KBK. Bahasa Melayu pula tidak dipilih oleh kebanyakan responden semasa membincangkan isu-isu semasa dalam talian, walaupun ia merupakan bahasa kebangsaan di negara ini dan semua responden pun menguasai bahasa Melayu.

Secara keseluruhannya, boleh disimpulkan bahawa bahasa Inggeris merupakan bahasa yang paling dominan digunakan dalam majoriti tujuan komunikasi yang melibatkan interlokutor yang berlainan. Bahasa Inggeris boleh dianggap sebagai variasi H dan juga variasi L dalam KBK berdasarkan konsep poliglosia. Ini disebabkan bahasa Inggeris merupakan bahasa yang paling dominan dalam konteks yang formal (contohnya perbincangan isu-isu semasa dan hal-hal pembelajaran) dan juga konteks yang kurang formal (contohnya penulisan mesej ringkas, sembang, pemberian komentar pada status, foto, pautan yang diposkan oleh rakan) dalam KBK. Sementara itu, bahasa Cina hanya mencatatkan penggunaan yang lebih tinggi daripada penggunaan bahasa Inggeris apabila (i) interlokutor yang terlibat adalah ibu bapa kerana kebanyakan responden mengakomodasikan repertoir bahasa ibu bapa dengan menggunakan bahasa Cina yang paling baik dikuasai oleh ibu bapa; (ii) semasa membincangkan isu-isu semasa dengan kawan berbangsa Cina, ibu bapa dan adik beradik dalam talian. Akan tetapi, jurang

perbezaannya tidak besar. Bahasa Melayu pula merupakan bahasa yang paling jarang digunakan oleh responden. Bahasa Melayu hanya mencatatkan penggunaan yang tinggi dalam interaksi yang melibatkan interlokutor yang berbangsa Melayu tetapi kadar penggunaannya masih rendah daripada penggunaan bahasa Inggeris. Didapati tiada responden menggunakan bahasa Melayu semasa menulis status sendiri, melabelkan foto sendiri mahupun berinteraksi dengan interlokutor yang berbangsa Cina. Terdapat segelintir responden menggunakan dialek Cina semasa berinteraksi dalam KBK, tetapi penggunaannya hanya terbatas kepada interaksi antara ibu bapa dan adik beradik, iaitu domain keluarga.

4.5 Hubungan Pemilihan Bahasa dalam Komunikasi Berbantuan Komputer dengan Variabel Sosial

Bahagian ini membincangkan hubungan (i) gender dan (ii) program pengajian dengan pemilihan bahasa responden dalam KBK. Demi menentukan sama ada terdapat perbezaan antara gender dan program pengajian responden terhadap pemilihan bahasa dalam KBK, ujian khi-kuasa dua telah digunakan.

4.5.1 Pemilihan Bahasa dalam Komunikasi Berbantuan Komputer berdasarkan Gender

Jadual 4.17 menunjukkan keputusan nilai signifikan bagi ujian khi-kuasa dua antara gender dengan pola pemilihan bahasa responden berdasarkan pelbagai tujuan komunikasi dan interlokutor yang berlainan dalam KBK. Setiap ujian ditetapkan pada aras keertian, $\alpha = 0.05$ atau 5%.

Jadual 4.17: Keputusan Nilai Signifikan bagi Ujian Khi-Kuasa Dua antara Pemilihan Bahasa dalam Komunikasi Berbantuan Komputer dengan Gender Responden

Variabel yang Diuji		Gender (Lelaki/ Perempuan)
Pemilihan Bahasa Responden dalam Laman Jaringan Sosial dan Mesej Segera berdasarkan Aktiviti Komunikasi berikut:		Nilai Signifikan
Menulis mesej ringkas (<i>personal message</i>) tentang status sendiri		0.592
Melabelkan foto sendiri		0.627
Menulis/mengepos tulisan-tulisan dalam nota/ruangan blog		0.349
Memberi komentar pada	status yang diposkan oleh kawan berbangsa Cina	0.267
	foto	0.174
	pautan	0.381
	status yang diposkan oleh kawan berbangsa Cina yang tidak menguasai bahasa Cina	0.368
	foto	0.315
	pautan	0.315
	status yang diposkan oleh kawan berbangsa Melayu	0.123
	foto	0.167
	pautan	0.167
	status yang diposkan oleh kawan berbangsa India	0.957
	foto	0.935
	pautan	0.935
	status yang diposkan oleh ibu bapa	0.426
	foto	0.426
	pautan	0.426
	status yang diposkan oleh adik beradik	0.258
	foto	0.367
	pautan	0.367
status yang diposkan oleh sahabat kawan (<i>friend's friends</i>) / pihak yang tidak dikenali	0.282	
foto	0.442	
pautan	0.265	
Bersembang (<i>chatting</i>) dengan	Kawan berbangsa Cina	0.352
	Kawan berbangsa Melayu	0.383
	Kawan berbangsa India	0.454
	Kawan berbangsa Cina yang tidak menguasai bahasa Cina	0.965
	Ibu bapa	0.814
	Adik beradik	0.592
Membincangkan hal-hal pembelajaran dengan	Kawan berbangsa Cina	0.912
	Kawan berbangsa Melayu	0.918
	Kawan berbangsa India	0.575
Membincangkan isu-isu semasa dengan	Kawan berbangsa Cina	0.919
	Ibu bapa	0.157
	Adik beradik	0.373
	Kawan bukan bangsa Cina	0.111

** Signifikan pada aras keertian < 0.05.

Berdasarkan keputusan ujian khi-kuasa dua, didapati nilai signifikan bagi semua kes komunikasi yang tersenarai melebihi aras keertian yang ditetapkan ($\alpha = 0.05$), maka tidak wujud perbezaan yang signifikan secara berstatistik antara pemilihan bahasa dalam KBK dengan gender responden.

Dalam erti kata lain, dapatan ini menunjukkan bahawa tidak dapat hubungan antara pemilihan bahasa dalam KBK dengan gender. Jika merujuk kepada analisis dalam Bahagian 4.4 yang menunjukkan bahawa kebanyakan responden lebih kerap menggunakan bahasa Inggeris dalam majoriti aktiviti komunikasi dalam laman jaringan sosial dan mesej segera. Maka berdasarkan keputusan ujian dalam Jadual 4.17, boleh disimpulkan bahawa lelaki mahupun perempuan mempunyai kecenderungan pemilihan bahasa yang sama, iaitu masing-masing lebih kerap menggunakan bahasa Inggeris dalam KBK.

Keputusan ini bercanggah dengan hasil kajian yang diperolehi oleh Chong dan Wang (2009) dan Wong (2010) yang sama-sama menunjukkan bahawa gender merupakan variabel yang mempengaruhi pemilihan bahasa dalam golongan muda Cina dalam komunikasi lisan, di mana kajian tersebut mendapati bahawa lelaki lebih gemar menggunakan dialek Cina, manakala wanita lebih kerap menggunakan variasi yang standard iaitu bahasa Cina dalam komunikasi lisan. Sebaliknya, kajian ini menunjukkan bahawa gender responden tidak mewujudkan perbezaan dengan pemilihan bahasa dalam KBK dalam kalangan muda Cina.

4.5.2 Pemilihan Bahasa dalam Komunikasi Berbantuan Komputer berdasarkan Program Pengajian

Jadual 4.18 menunjukkan keputusan nilai signifikan bagi ujian khi-kuasa dua antara program pengajian responden dengan pemilihan bahasa mereka berdasarkan pelbagai tujuan komunikasi dan interlocutor yang berlainan dalam KBK. Setiap ujian ditetapkan pada aras keertian, $\alpha = 0.05$ atau 5%.

Jadual 4.18: Keputusan Nilai Signifikan bagi Ujian Khi-Kuasa Dua antara Pemilihan Bahasa dalam Komunikasi Berbantuan Komputer dengan Program Pengajian Responden

Pemilihan Bahasa Responden dalam Laman Jaringan Sosial dan Mesej Segera berdasarkan Aktiviti Komunikasi berikut:	Variabel yang Diuji		Program Pengajian
			(Aliran Sains/ Bukan Aliran Sains)
			Nilai Signifikan
Menulis mesej ringkas (<i>personal message</i>) tentang status sendiri			0.901
Melabelkan foto sendiri			0.161
Menulis/mengepos tulisan-tulisan dalam nota/ruangan blog			0.520
Memberi komentar pada	status	yang diposkan oleh	0.382
	foto	kawan berbangsa Cina	0.322
	pautan		0.128
	status	yang diposkan oleh	0.368
	foto	kawan berbangsa Cina yang tidak	0.325
	pautan	menguasai bahasa Cina	0.325
	status	yang diposkan oleh	0.098
	foto	kawan berbangsa Melayu	0.062
	pautan		0.062
	status	yang diposkan oleh	0.114
	foto	kawan berbangsa India	0.120
	pautan		0.120
	status	yang diposkan oleh ibu bapa	0.422
	foto		0.422
	pautan		0.422
	status	yang diposkan oleh adik beradik	0.213
	foto		0.258
	pautan		0.132
Bersembang (<i>chatting</i>) dengan	status	yang diposkan oleh sahabat kawan (<i>friend's friends</i>) / pihak yang tidak dikenali	0.247
	foto		0.442
	pautan		0.265
	Kawan berbangsa Cina		0.305
	Kawan berbangsa Melayu		0.246
	Kawan berbangsa India		0.102
Membincangkan hal-hal pembelajaran dengan	Kawan berbangsa Cina yang tidak menguasai bahasa Cina		0.988
	Ibu bapa		0.493
	Adik beradik		0.561
	Kawan berbangsa Cina		0.607
	Kawan berbangsa Melayu		0.281
	Kawan berbangsa India		0.028**
Membincangkan isu-isu semasa dengan	Kawan berbangsa Cina		0.764
	Ibu bapa		0.190
	Adik beradik		0.360
	Kawan bukan bangsa Cina		0.053

** Signifikan pada aras keertian < 0.05.

Merujuk kepada hasil analisis ujian khi-kuasa dua dalam Jadual 4.18, didapati bahawa hanya apabila responden membincangkan hal-hal pembelajaran dengan kawan berbangsa India mendapat nilai signifikan, $\alpha = 0.028$ yang kurang daripada aras keertian yang ditetapkan ($\alpha = 0.05$). Ini bermaksud pemilihan bahasa responden semasa membincangkan hal-hal pembelajaran dengan kawan berbangsa India dalam talian menunjukkan perbezaan yang signifikan dengan program pengajian mereka. Sebaliknya, kes-kes komunikasi lain yang diuji pula mendapat nilai signifikan yang lebih daripada aras keertian, $\alpha = 0.05$. Maka boleh disimpulkan bahawa tidak wujud perbezaan yang signifikan secara berstatistik antara pemilihan dalam KBK dengan program pengajian responden.

Dalam kata lain, keputusan menunjukkan bahawa tidak dapat hubungan antara pemilihan bahasa dalam KBK dengan program pengajian responden dalam kajian ini. Jika merujuk kepada analisis dalam Bahagian 4.4 yang menunjukkan kebanyakan responden lebih kerap menggunakan bahasa Inggeris dalam majoriti aktiviti komunikasi dalam laman jaringan sosial dan mesej segera. Maka berdasarkan keputusan ujian dalam Jadual 4.18 boleh disimpulkan bahawa responden daripada aliran sains atau aliran sastera mempunyai kecenderungan pemilihan bahasa yang sama, iaitu masing-masing lebih kerap menggunakan bahasa Inggeris dalam KBK.

4.6 Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Pemilihan Bahasa dalam Komunikasi Berbantuan Komputer

Hasil analisis mengenai pemilihan bahasa responden dalam KBK pada keseluruhannya boleh disimpulkan dalam tiga pola yang ketara seperti berikut:

- i. Bahasa Inggeris merupakan bahasa yang paling dominan digunakan;
- ii. Penggunaan bahasa Cina kurang daripada penggunaan bahasa Inggeris;
- iii. Bahasa Melayu mencatatkan kadar penggunaan yang paling rendah.

Bahagian ini membincangkan faktor-faktor yang menyebabkan tiga keadaan penggunaan bahasa tersebut berlaku dalam KBK berdasarkan maklum balas yang diberi oleh responden dalam sesi temu bual. Seramai 83 responden daripada keseluruhan sampel sudi ditemu bual.

4.6.1 Sebab-Sebab Bahasa Inggeris Digunakan secara Dominan dalam Komunikasi Berbantuan Komputer

Bahasa Inggeris merupakan bahasa yang paling dominan digunakan dalam KBK. Sebab-sebab majoriti responden menggunakan bahasa Inggeris sebagai pilihan pertama dalam kebanyakan aktiviti KBK disenaraikan dalam Jadual berikut.

Jadual 4.19: Taburan Responden berdasarkan Sebab-Sebab Responden Lebih Kerap Menggunakan Bahasa Inggeris dalam Komunikasi Berbantuan Komputer

Bil	Sebab-Sebab Responden Lebih Kerap Menggunakan Bahasa Inggeris dalam Komunikasi Berbantuan Komputer	Bilangan Responden
1	Lebih cepat dan mudah ditaip sekiranya dibandingkan dengan aksara Cina	37
2	Kebiasaan menggunakan bahasa Inggeris dalam KBK	21
3	Majoriti kawan menggunakan bahasa Inggeris dalam KBK	12
4	Lebih selesa digunakan	10
5	Lebih senang untuk mengekspresikan diri dalam bahasa Inggeris	6
6	Kawan-kawan di universiti lebih kerap menggunakan bahasa Inggeris	5
7	Kebanyakan kuliah, tutorial dan tugas pelajaran dilakukan dalam bahasa Inggeris	4
8	Lebih fasih dalam bahasa Inggeris	2
9	Lebih suka menggunakannya	1
10	Lebih standard	1
11	Difahami oleh kebanyakan orang	1

(Nota: Bilangan yang dicatatkan ialah jumlah bilangan responden yang mempunyai pandangan berkenaan. Perlu diambil perhatian bahawa bukan semua responden sudi ditemu bual dan juga terdapat responden yang memberi lebih daripada satu pandangan.)

Jadual 4.19 menunjukkan sebilangan besar responden (37 orang) menggunakan bahasa Inggeris sebagai pilihan pertama dalam KBK adalah kerana ia lebih cepat dan mudah ditaip sekiranya dibandingkan dengan aksara Cina. Kebanyakan responden berpendapat bahawa penggunaan bahasa Cina perlu menaip *Hanyu Pinyin* atau huruf fonetik bagi perkataan yang diingini dan seterusnya memilih aksara Cina yang berkenaan amat memakan masa, maka mereka kurang menggunakan bahasa Cina dalam KBK. Sebagai contoh, untuk mengungkapkan “*oh my God (我的天啊)*” dalam KBK, responden hanya perlu menaip dalam bentuk singkatan “*OMG*” yang berhuruf tiga sahaja. Jika menggunakan bahasa Cina, responden perlu menaip huruf fonetik Cina “*wo de tian a*” untuk mendapat ayat tersebut (“*我的天啊*”) dalam bahasa Cina. Contoh yang lain

seperti “*are you free (你有空吗)*” diungkapkan dalam bentuk “*r u free*” pun boleh difahami oleh interlokutor, manakala untuk diungkapkan dalam bahasa Cina, responden perlu menaip huruf fonetik Cina “*ni you kong ma*” untuk mendapat frasa tersebut dalam aksara Cina.

Dalam kata lain, penggunaan bahasa Inggeris dalam KBK mempunyai pelbagai bentuk singkatan yang boleh ditaip dengan lebih pantas dan bentuk singkatan tersebut juga difahami secara umum oleh kebanyakan interlokutor. Selain itu, bahasa Inggeris boleh terus ditaip dalam huruf roman telah mendorongkan majoriti responden lebih kerap menggunakan bahasa Inggeris dibandingkan dengan bahasa Cina.

Tambahan pula, pertukaran mesej dan giliran pertuturan antara penyampai dan penerima dalam laman jaringan sosial dan mesej segera adalah cepat dan segera, maka responden cenderung menggunakan kod komunikasi yang lebih efektif. Dengan ini, demi memastikan diri dapat berkomunikasi se pantas dengan interlokutor yang lain dalam talian, kebanyakan responden menggunakan bahasa Inggeris yang dapat ditaip dengan lebih pantas. Ini telah meningkatkan motivasi instrumental responden untuk terus menggunakan bahasa Inggeris dalam laman jaringan sosial dan mesej segera, walaupun bahasa Inggeris bukan repertoir bahasa mereka.

Sebanyak 21 responden pula beranggapan penggunaan bahasa Inggeris dalam KBK telah menjadi suatu kebiasaan. Ini mungkin dipengaruhi oleh faktor persekitaran responden yang selalu menekankan penggunaan bahasa Inggeris. Ia boleh dibuktikan

daripada maklum balas yang diberikan oleh sebahagian responden, di mana responden menyatakan bahawa kawan-kawan di universiti lebih kerap menggunakan bahasa Inggeris menyebabkan mereka lebih kerap menggunakan bahasa Inggeris dalam talian. Selain itu, terdapat juga responden mengatakan kebanyakan kuliah, tutorial dan tugas pelajaran dilakukan dalam bahasa Inggeris telah mendorong mereka lebih kebiasaan menggunakan bahasa Inggeris. Dalam erti kata lain, faktor persekitaran yang kerap menggunakan dan menekankan penggunaan bahasa Inggeris secara langsung atau tidak langsung telah meningkatkan motivasi instrumental responden untuk menggunakan bahasa Inggeris dalam KBK. Motivasi instrumental yang berdasarkan faktor persekitaran di sini sebenarnya merupakan perasaan solidariti. Demi menunjukkan kesolidariti diri dengan interlocutor, maka responden cenderung menggunakan bahasa yang lebih kerap digunakan oleh interlocutor dalam KBK bagi merapatkan hubungan sosial antara satu sama lain. Lama-kelamaannya, penggunaan bahasa Inggeris menjadi suatu kebiasaan bagi responden.

Seramai 12 responden mengatakan bahawa majoriti kawan menggunakan bahasa Inggeris dalam KBK menyebabkan mereka juga kerap menggunakan bahasa Inggeris dalam laman jaringan sosial dan mesej segera. Ini menunjukkan responden tersebut menyesuaikan diri dengan menggunakan bahasa yang sama digunakan oleh interlocutor (penerima mesej) agar merapatkan jarak sosial di antara satu sama lain. Dalam kata lain, konvergensi bahasa berlaku dalam kalangan responden semasa berkomunikasi dalam KBK. Ini selari dengan teori akomodasi pertuturan yang diperkenalkan oleh Giles (1977).

Selain itu, hanya 6 responden mengatakan bahawa mereka rasa lebih senang untuk mengekspresikan diri dalam bahasa Inggeris, manakala 2 responden sahaja mengatakan mereka lebih fasih dalam bahasa Inggeris telah mendorong mereka lebih kerap menggunakan bahasa Inggeris. Ini menunjukkan bahawa bahasa Inggeris hanya merupakan repertoir linguistik bagi segelintir responden dalam kajian. Dalam kata lain, sebilangan besar responden kerap menggunakan bahasa Inggeris dalam KBK bukan kerana bahasa Inggeris merupakan repertoir bahasa atau bahasa yang paling dikuasai oleh mereka. Sebab-sebab lain yang telah mendorong responden lebih kerap menggunakan bahasa Inggeris adalah bahasa Inggeris lebih pantas ditaip dalam KBK, dan faktor persekitaran di mana ramai pengguna menggunakan bahasa Inggeris.

4.6.2 Sebab-Sebab Penggunaan Bahasa Cina Kurang daripada Penggunaan Bahasa Inggeris dalam Komunikasi Berbantuan Komputer

Penggunaan bahasa Cina dalam KBK menunjukkan kecenderungan yang kurang daripada penggunaan bahasa Inggeris, bahkan dalam komunikasi antara interlokutor berbangsa Cina. Jadual berikut telah menyenaraikan sebab-sebab responden jarang menggunakan bahasa Cina dalam KBK.

Jadual 4.20: Taburan Responden berdasarkan Sebab-Sebab Responden Jarang Menggunakan Bahasa Cina dalam Komunikasi Berbantuan Komputer

Bil	Sebab-Sebab Responden Jarang Menggunakan Bahasa Cina dalam Komunikasi Berbantuan Komputer	Bilangan Responden
1	Perlu mengambil masa yang panjang untuk menaip aksara Cina	30
2	Tidak senang untuk menaip aksara Cina	21
3	Lebih digunakan semasa bertutur verbal dengan bangsa Cina	6
4	Bukan semua orang menguasai bahasa Cina atau aksara Cina	1

(Nota: Bilangan yang dicatatkan ialah jumlah bilangan responden yang mempunyai pandangan berkenaan. Perlu diambil perhatian bahawa bukan semua responden sudi ditemu bual dan juga terdapat responden yang memberi lebih daripada satu pandangan.)

Jadual 4.20 secara jelasnya menunjukkan bahawa penggunaan bahasa Cina dalam KBK adalah rendah daripada penggunaan bahasa Inggeris. Ia banyak bergantung kepada kerumitan penaipan aksara Cina. Di antaranya, seramai 30 responden berpendapat bahawa penaipan aksara Cina mengambil masa yang panjang sekiranya dibandingkan dengan penaipan bahasa berhuruf roman, misalnya bahasa Inggeris. Sementara itu, 21 responden pula berpendapat tidak senang untuk menaip aksara Cina dalam KBK.

Sebenarnya, menaip aksara Cina dengan menggunakan *Hanyu Pinyin* atau sistem huruf fonetik Cina tidak rumit. Masalahnya ialah kebanyakan responden jarang atau tidak biasa menaip dalam aksara Cina selepas melanjutkan pelajaran ke universiti. Di peringkat universiti, semua kerja kursus atau tugas kursus ditulis (ditaip) dalam bahasa Inggeris atau bahasa Melayu, kecuali mahasiswa yang mengikuti program pengajian bahasa Cina. Kekurangan latihan atau praktikal dalam penaipan aksara Cina telah menyebabkan kebanyakan responden kurang mahir menaip aksara Cina yang berpandukan sistem huruf fonetik Cina. Oleh itu, mereka tidak yakin untuk menaip aksara Cina yang diingini

dengan cepat dan tepat. Mereka terpaksa mengambil masa yang panjang untuk “mencuba dan menjayakan” (*try and error*) fonetik yang tepat dalam perisian input bahasa Cina untuk mendapatkan aksara Cina yang betul. Lantas itu, mereka mempunyai tanggapan bahawa penaipan aksara Cina adalah rumit dan mengambil masa yang panjang. Maka tidak hairanlah mereka jarang menggunakan bahasa Cina dalam KBK.

Walau bagaimanapun, penggunaan bahasa Cina yang kurang daripada penggunaan bahasa Inggeris dalam KBK tidak akan menjejaskan perkembangan penggunaan bahasa Cina dalam komunikasi lisan. Ini disebabkan penggunaan bahasa Cina dalam komunikasi lisan dalam golongan muda Cina masih mencatatkan kadar penggunaan yang tinggi jika merujuk kepada kajian-kajian lepas yang dilakukan oleh Wang (2007), Chong dan Wang (2009) dan Wong (2010). Kajian lepas tersebut menunjukkan bahawa kadar penggunaan bahasa Cina dalam domain keluarga dan domain persahabatan semakin meningkat dalam golongan muda Cina, terutamanya dalam generasi ketiga mahupun generasi keempat. Tambahan pula, tiada sebarang maklum balas yang diberi oleh responden kajian yang menunjukkan mereka memegang sikap atau tanggapan yang negatif terhadap bahasa Cina, sebaliknya kebanyakan daripada mereka tidak kerap menggunakan bahasa Cina dalam KBK hanya disebabkan mereka lebih suka menggunakan bahasa berhuruf roman seperti bahasa Inggeris yang boleh ditaip dengan cepat dan mudah. Faktor ini merupakan masalah teknikal.

4.6.3 Sebab-Sebab Bahasa Melayu Jarang Digunakan dalam Komunikasi Berbantuan Komputer

Walaupun bahasa Melayu juga merupakan bahasa yang berhuruf roman, tetapi kadar penggunaannya dalam KBK didapati kurang daripada bahasa Inggeris. Tambahan pula, bahasa Cina yang bukan merupakan bahasa berhuruf roman juga mencatatkan kadar penggunaan yang tinggi daripadanya. Secara keseluruhannya, bahasa Melayu mencatatkan kadar penggunaan yang paling rendah dalam kalangan responden. Keadaan kadar penggunaan bahasa Melayu yang rendah dalam KBK boleh dijelaskan berdasarkan Jadual 4.21 berikut.

Jadual 4.21: Taburan Responden berdasarkan Sebab-Sebab Responden Jarang Menggunakan Bahasa Melayu dalam Komunikasi Berbantuan Komputer

Bil	Sebab-Sebab Responden Jarang Menggunakan Bahasa Melayu dalam Komunikasi Berbantuan Komputer	Bilangan Responden
1	Tidak biasa menggunakan bahasa Melayu dalam KBK	22
2	Kurang dominan dalam KBK	19
3	Kurang kawan berbangsa Melayu	9
4	Tidak selesa menggunakan bahasa Melayu untuk berkomunikasi dengan kawan berbangsa Cina	7
5	Bahasa Melayu hanya lebih kerap digunakan dalam pertuturan verbal dengan kawan berbangsa Melayu	6
6	Kurang fasih dalam bahasa Melayu	5
7	Susah untuk mengekspresikan diri dalam bahasa Melayu	4
8	Kebanyakan kuliah atau tugas pelajaran dilakukan dalam bahasa Inggeris	1
9	Kebanyakan kawan tidak menggunakan bahasa Melayu dalam KBK	1
10	Kebanyakan orang menggunakan bahasa Inggeris dalam KBK	1
11	Tidak ada keperluan untuk menggunakan bahasa Melayu	1
12	Ada kawan berbangsa Cina tidak memahami bahasa Melayu	1
13	Kurang bergaul dengan kawan berbangsa Melayu dalam KBK	1
14	Pernah cuba menggunakan bahasa Melayu untuk bertutur dengan kawan berbangsa Melayu, tetapi singkatan yang digunakan oleh mereka sukar difahami	1
15	Tidak mudah untuk menulis dalam bentuk singkatan (<i>short form</i>)	1

(Nota: Bilangan yang dicatatkan ialah jumlah bilangan responden yang mempunyai pandangan berkenaan. Perlu diambil perhatian bahawa bukan semua responden sudi ditemu bual dan juga terdapat responden yang memberi lebih daripada satu pandangan.)

Jadual 4.21 menunjukkan bahawa 22 responden tidak mempunyai kebiasaan menggunakan bahasa Melayu dalam KBK walaupun bahasa Melayu merupakan bahasa kebangsaan. Sementara itu, seramai 19 responden berpendapat bahawa faktor utama yang menyebabkan mereka tidak menggunakan bahasa Melayu sebagai pilihan pertama dalam KBK disebabkan bahasa Melayu bukan bahasa yang dominan dalam KBK. Dalam kata lain, disebabkan kebanyakan pengguna jarang menggunakan bahasa Melayu, maka

persekitaran ini menyebabkan responden kurang bermotivasi untuk menggunakan bahasa Melayu dalam talian.

Selanjutnya, terdapat 9 responden berpendapat bahawa kurang kawan berbangsa Melayu dalam senarai kawan dalam laman jaringan sosial dan mesej segera telah menyebabkan mereka jarang menggunakan bahasa Melayu dalam KBK, manakala 7 responden tidak selesa untuk menggunakan bahasa Melayu semasa berkomunikasi dengan kawan berbangsa Cina dalam KBK. Sementara itu, 6 responden sahaja lebih kerap menggunakan bahasa Melayu semasa melakukan pertuturan verbal dengan kawan berbangsa Melayu. Ketiga-tiga kenyataan tersebut menunjukkan kebanyakan responden menganggapkan bahasa Melayu sebagai bahasa yang digunakan oleh bangsa Melayu, maka mereka hanya menggunakan bahasa Melayu terhadap interlocutor yang berbangsa Melayu. Tanggapan ini menyebabkan responden jarang menggunakan bahasa Melayu semasa berinteraksi dengan interlocutor yang bukan bangsa Melayu dalam KBK. Dapatan ini selari dengan pendapat Asmah (1987, dalam Lim, 2008) yang mengatakan bahawa "*Malay (language) is accepted and used by all races as the national and official language of the country but is still seen as belonging to the dominant group, the Malays*".

Selain itu, faktor kurang menguasai bahasa Melayu juga menyebabkan sebahagian responden jarang menggunakan bahasa Melayu dalam KBK. Antaranya, terdapat 5 responden mengatakan bahawa mereka kurang fasih dalam bahasa Melayu, manakala 4 responden pula menghadapi kesusahan untuk mengekspresikan diri dalam bahasa Melayu. Keadaan ini mungkin disebabkan kefasihan bahasa Melayu responden tersebut

mengalami kemerosotan selepas melanjutkan pelajaran ke universiti kerana kebanyakan hal-hal pembelajaran pada peringkat universiti menggunakan bahasa Inggeris.

Sebagai rumusan untuk Bahagian 4.6, terdapat dua faktor utama yang mendorong responden kajian kerap menggunakan bahasa Inggeris dalam KBK, iaitu (i) kepantasan dan keselesaan responden untuk menaip bahasa Inggeris sekiranya dibandingkan dengan aksara Cina; dan (ii) faktor persekitaran yang lebih kerap menggunakan bahasa Inggeris telah meningkatkan motivasi instrumental responden untuk menggunakan bahasa Inggeris dalam KBK bagi menunjukkan kosolidariti antara interlocutor. Sementara itu, tidak kebiasaan dan kurang kemahiran dalam penaipan aksara Cina menyebabkan responden jarang menggunakan bahasa Cina dalam talian, manakala (i) tanggapan responden yang menganggapkan bahasa Melayu sebagai bahasa yang digunakan oleh bangsa Melayu; (ii) kekurangan dominan bahasa Melayu dalam KBK; (iii) kurang rakan berbangsa Melayu dalam talian; dan (iv) kurang fasih dalam bahasa Melayu telah menyebabkan responden jarang menggunakan bahasa Melayu dalam KBK.